



Manuscript Title: Budaya Masyarakat Bugis dalam Aspek Perkahwinan, Komunikasi dan Makanan Warisan

Author(s): Nor Shela Saleh, Mohd Shafie Rosli dan Andi Sukri Syamsuri

Accepted Date: 23-January-2021

Please cite this article as: Nor Shela Saleh, Mohd Shafie Rosli and Andi Sukri Syamsuri. 2021. Budaya masyarakat Bugis dalam aspek perkahwinan, komunikasi dan makanan warisan. *Kajian Malaysia* (early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

**BUDAYA MASYARAKAT BUGIS DALAM ASPEK PERKAHWINAN,
KOMUNIKASIDAN MAKANAN WARISAN**

***THE CULTURE OF BUGINESE IN THE ASPECT OF MARRIAGE,
COMMUNICATION AND HERITAGE FOOD***

Nor Shela Saleh^{1*}, Mohd Shafie Rosli² dan Andi Sukri Syamsuri³

¹Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn
Malaysia, MALAYSIA

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia,
MALAYSIA

³Fakultas Adab dan Humaniora, Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar,
INDONESIA

*Corresponding author: drnorshelasaleh@gmail.com

ABSTRACT

Preservation of customs, culture and heritage among the Buginese is one of the things to do. This is because; customs, culture and heritage have valuable ethics and identities. However, many generations, especially the young increasingly vague and do not know the customs and culture of Buginese. This phenomenon due to many young generations who seem forgotten their ancestors and their origins. Thus, this study highlighted three main objectives that contain the culture of the Buginese community in aspects of daily life, namely identifying the culture of Buginese marriage, identifying communication among the Buginese and identifying heritage food of the Buginese. This study conducted quantitatively and qualitatively. Researchers distributed questionnaires through google form application to respondents on social media. The purposeful sampling method used where only respondents of Buginese descent given the questionnaire. The results of the study showed that 69 study respondents obtained. The researcher also conducted an observational study in Kampung Tampok Laut, Benut Pontian Johor. Some events and gatherings attended to ensure that source of the study findings strengthened. The results of study found the three objectives proved that the Buginese still conserve their customs and culture whether in wedding culture, communication and heritage food context. Indirectly, this study influences the Buginese community and ensure each generation maintain the identity of Buginese community, especially in this studied.

Keywords: *Buginese, Communication, Marriage, Food Heritage, Custom and Culture*

ABSTRAK

Pengekalan adat, budaya dan warisan dalam kalangan suku Bugis merupakan satu perkara yang harus dilakukan. Ini kerana, adat, budaya dan warisan mempunyai nilai dan identiti yang bernilai. Walaubagaimanapun, ramai generasi khususnya golongan muda yang semakin samar dan tidak mengetahui adat dan budaya suku Bugis. Fenomena ini disebabkan ramai generasi muda yang seakan lupa leluhur dan asal usul mereka. Justeru, kajian ini telah menentengahkan tiga objektif utama yang mengandungi budaya masyarakat Bugis dalam aspek kehidupan harian iaitu mengenalpasti budaya perkahwinan suku Bugis, mengenalpasti komunikasi dalam kalangan suku Bugis dan mengenalpasti makanan warisan suku Bugis. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif dan kualitatif. Pengkaji telah mengedarkan soal selidik melalui aplikasi google form kepada responden di media sosial. Kaedah persampelan bertujuan telah digunakan dimana hanya responden yang berketurunan suku Bugis diberikan soal selidik tersebut. Hasil kajian menunjukkan seramai 69 responden kajian telah diperolehi. Pengkaji juga menjalankan kajian secara pemerhatian di Kampung Tampok Laut, Benut Pontian Johor. Beberapa majlis dan keramaian telah dihadiri bagi memastikan sumber dapatan kajian diperkukuhkan. Hasil kajian mendapati ketiga-tiga objektif kajian membuktikan suku Bugis masih lagi mengekalkan adat dan budaya mereka sama ada dalam konteks budaya perkahwinan, komunikasi dan makanan warisan. Secara tidak langsung, kajian ini dapat memberi impak kepada komuniti Bugis dan memastikan setiap generasi dapat mengekalkan identiti suku Bugis khususnya dalam aspek yang dikaji.

Kata kunci: *Bugis, Komunikasi, Perkahwinan, Makanan Warisan, Adat dan Budaya*

PENGENALAN

Menurut sejarah, masyarakat Bugis merupakan suku etnik yang berasal daripada Sulawesi Selatan, Indonesia. Selain masyarakat Bugis, terdapat juga kelompok masyarakat lain yang berada di Sulawesi Selatan iaitu Makassar, Mandar dan Toraja (Said, 2004; Suriadi Mappangara, 2019). Masyarakat Bugis dikenali sebagai pedagang dan mereka sangat terkenal dengan sifat yang berani. Sejarah kewujudan masyarakat Bugis banyak dikaitkan dengan isu kepahlawanan dan

peperangan. Masyarakat Bugis juga dikenali sebagai Masyarakat Kapal atau Masyarakat Laut. Gelaran ini diberikan atas dasar sejarah yang membuktikan bahawa orang Bugis merupakan pahlawan yang gagah berani dalam memerangi musuh. Dari segi ciri dan fizikal, masyarakat Bugis mempunyai ciri yang hampir sama dengan suku etnik lain. Antara ciri-ciri orang Bugis adalah mempunyai saiz fizikal yang sederhana dan kebanyakannya mempunyai warna kulit yang cerah (Nawawi, 2013).

Selain mempunyai sifat yang kental dan berani, masyarakat Bugis sangat sinonim dengan kebolehan dan kegigihan sebagai perantau dan pedagang. Sifat ramah dan bijak berkata-kata dikatakan salah satu faktor kejayaan masyarakat Bugis sebagai pedagang dalam urusan jual beli. Tambahan pula, masyarakat Bugis juga sangat terkenal dalam bidang maritim dan perdagangan dan sinonim dengan aktiviti merentasi lautan dan benua (Caldwell, 1995). Keberanian masyarakat Bugis menunjukkan sikap optimistik mereka dalam mengharungi lautan dunia sehingga berjaya merentasi pelbagai negara dan terkenal di seluruh dunia (Graham, 2004).

Kebijaksanaan orang Bugis bukan hanya dalam urusan jual beli dan berdagang, bahkan mereka mahir dalam pembuatan kapal dagang. Kapal yang dibina digunakan untuk tujuan berdagang serta sebagai pengangkutan semasa berperang. Setiap kapal dilengkapi dengan peralatan senjata yang bukan hanya digunakan semasa berperang, bahkan ia menjadi simbolik untuk menundukkan musuh. Ini dijelaskan oleh Mohd Ayop (2017) bahawa sikap keberanian masyarakat Bugis dilengkapi dengan prinsip iaitu '*jangan gentar*' atau dalam bahasa Bugis berbunyi '*aja metao*' yang membuktikan masyarakat Bugis adalah komuniti yang hebat dan pemberani dalam mengharungi cabaran khususnya musuh semasa berperang.

Selain aspek keberanian, masyarakat Bugis juga dikenali sebagai orang yang bijaksana. Menurut Hammarstrom, Forkel dan Haspemath (2017), dalam aspek kognitif dan pemikiran, kepintaran masyarakat Bugis juga diperakui oleh masyarakat Barat apabila mereka dianggap sebagai suku etnik yang bijak semasa mengatur strategi dan muslihat peperangan. Kebijaksanaan dalam mengatur strategi berjaya menundukkan musuh dengan mudah. Strategi yang digunakan sangat berisiko apabila mereka sanggup menggadaikan nyawa bertindak sebagai penyokong dalam pasukan lawan.

Maruah dan kehormatan diri adalah perkara yang sangat dititikberatkan dalam kehidupan orang Bugis. Menurut Rahim (2011), masyarakat Bugis sangat berpegang teguh pada adat, maruah dan kehormatan diri serta keluarga. Misalnya, dari segi etika dan moral, masyarakat Bugis sangat berpegang kepada konsep '*Siri*' iaitu menjelaskan tentang maruah, sifat malu, martabat dan harga diri. Martabat dan kehormatan sangat diutamakan oleh masyarakat Bugis khususnya

ketika berdepan dengan musuh. Kewujudan sifat ini juga menyebabkan orang Bugis dikatakan seorang yang ego dan bonggak ketika di medan pertempuran. Orang Bugis berpegah teguh dengan konsep pertahanan diri dan lebih memilih untuk gugur di medan pertempuran daripada menyerah sebagai tahanan. Seseorang yang menjadi tawanan akan kehilangan harga diri, dan itu diibaratkan sebagai orang-orangan bukan orang yang sesungguhnya (Suriadi Mappangara, 2016). Prinsip ini telah menjadi sebatian dengan hala tuju pemikiran dan identiti masyarakat Bugis iaitu kehormatan dan maruah adalah perkara yang wajib dipertahankan. Bahkan mereka sangat sinonim dengan kata-kata ini; “*Sekali layar berkembang, pantang haluan kembali mengarah ke pantai*”.

Isu kehormatan dan maruah telah menjadi acuan dan pegangan dalam kalangan masyarakat Bugis. Malah, tidak dinafikan orang Bugis masih mampu mengekalkan identiti, adat dan budaya kehidupan mereka. Bahkan, masih ramai generasi muda yang mampu bertutur dalam bahasa Bugis dengan baik. Bukan hanya komunikasi, orang Bugis juga mampu mengekalkan identiti konsep perkahwinan dan warisan makanan nenek moyang mereka. Lebih membanggakan apabila telah wujud restoren dan gerai makan yang menjual makanan warisan Bugis secara komersial. Secara tidak langsung, aktiviti ini mampu memartabatkan dan memperkenalkan warisan orang Bugis dalam kluster perkahwinan, komunikasi dan makanan warisan. Sehubungan dengan itu, identiti ini telah menjadi faktor pendorong pengkaji untuk mengenalpasti sejauhmana masyarakat Bugis masih mengekalkan identiti dalam masyarakat mereka.

SEJARAH DAN LELUHUR MASYARAKAT BUGIS

Persaingan dan sifat tamak yang dimiliki oleh penjajah menyebabkan wujudnya peperangan yang hebat yang dihadapi oleh VOC di Nusantara. VOC atau dikenali sebagai Perusahaan Hindia Timur Belanda telah dibangunkan pada tahun 1602. VOC atau dalam bahasa Belanda dikenali sebagai *Vereenigde Oostindische Compagnie* telah bersaing dengan Kesultanan Makassar dengan perdagangan rempah dari Kepulauan Maluku. Harga rempah di kawasan Makassar lebih murah berbanding Maluku dan secara tidak langsung telah menarik perhatian pedagang khususnya Portugis, Inggeris, Sepanyol dan sebagainya. Walaubagaimanapun, VOC telah menganggap penjualan rempah oleh pihak Makassa telah mengganggu dan memberi ancaman kepada mereka sehingga mencetuskan konflik dan peperangan. Perang Makassar yang berlaku pada 1666 hingga 1669 terhadap VOC (Ahmad Yani, 2018). Perang ini telah mengakibatkan terjadi migrasi secara besar-besaran bagi orang-orang Bugis dan Makassar. Wilayah atau daerah yang mereka tuju, termasuk wilayah yang berada di Semenanjung Tanah Melayu (Poelinggomang dan Suriadi Mappangara, 2004).

Asal usul dan leluhur masyarakat Bugis adalah di Sulawesi Selatan, Indonesia. Selain suku Bugis, terdapat suku lain di Sulawesi Selatan iaitu Makassar, Toraja dan Mandar. Menurut laporan Norasikin (2018), sejarah berkaitan empat suku di Sulawesi Selatan boleh dilihat di dua muzium yang banyak menceritakan dan memaparkan sejarah berkaitan Makassar dan kerajaan Gowa. Muzium tersebut dikenali sebagai Muzium Balla Lompoa. Muzium ini berada di wilayah Gowa. Muzium tersebut merupakan istana peninggalan kerajaan Gowa dan isi kandungan muzium itu banyak memaparkan bukti dan sejarah berkaitan dengan asal usul suku di Sulawesi Selatan (Norasikin, 2018). Muzium lain pula dikenali sebagai Muzium Lagaligo berada di Kota Makassar, di dalam Benteng Rotterdam merupakan antara tempat yang menyimpan khazanah kesenian, peralatan serta pakaian tradisional masyarakat suku wilayah Sulawesi Selatan pada zaman dahulu. Muzium Lagaligo juga merupakan tempat kunjungan yang menjadi tumpuan kerana mempunyai pusat membeli belah khususnya barangan cenderahati seperti pakaian, makanan tradisional Bugis dan sebagainya (Norasikin, 2018).

Beberapa kerajaan Bugis telah wujud iaitu Luwu, Bone, Wajo, Soppeng, Suppa, Sawitto, Sidendeng dan Rappang. Lazimnya, masyarakat Bugis boleh didapati di kawasan dataran rendah yang subur serta pesisir. Pada abad ke-16 hingga ke-19, sejarah mengatakan ramai orang Bugis telah berhijrah ke negara-negara lain termasuklah Malaysia. Orang Bugis menuju ke dalam kerajaan-kerajaan di tanah Melayu dan turut terlibat dengan politik dan sosiolisai kerajaan-kerajaan Melayu. Antara negeri yang banyak menjadi tumpuan orang Bugis adalah negeri Johor dan Selangor. Orang Bugis dilantik menjadi Yam Tuan Muda Kerajaan Johor pada tahun 1721. Raja Selangor yang pertama adalah Raja Lumu, seorang keturunan Bugis. Penglibatan orang Bugis dalam politik telah berlaku apabila kehadiran lima bersaudara iaitu Daeng Merewah, Daeng Celak, Daeng Parani, Daeng Menambun dan Daeng Kemasi. Selain itu, antara daya tarikan orang Bugis ke Tanah Melayu adalah disebabkan oleh faktor tarikan pembukaan tanah-tanah baru di Tanah Melayu. Tambahan pula, orang Bugis terkenal dengan sikap rajin berusaha dan sentiasa mengejar kekayaan. Sikap ini menyebabkan mereka gemar belayar dari satu tempat ke tempat yang lain untuk menambahkan sumber pendapatan dan kekayaan.

Pada tahun 1667-1777 masihi, ramai masyarakat Bugis yang berpindah dan melakukan migrasi ke tempat lain termasuklah ke Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Migrasi yang berlaku ini menunjukkan masyarakat Bugis semakin berkembang dalam penjelajahannya dan suku etnik ini semakin dikenali oleh pelbagai lapisan masyarakat dan budaya (Rahilah *et al.*, 2009). Walaupun masyarakat Bugis bercampur dengan pelbagai suku etnik lain, namun mereka masih mampu mengekalkan adat, bahasa dan tradisi sehingga dikenali di pelosok

Malaysia. Kedatangan sebenar masyarakat Bugis ke Tanah Melayu adalah seawal abad ke-15 yang mana ia disebabkan oleh beberapa perkara (Said, 2004; Caldwell, 1995). Antara faktor utama kedatangan masyarakat Bugis adalah kerana perubahan dalam aspek politik, ekonomi, sosial dan agama. Kedatangan masyarakat Bugis ke Johor mempunyai kronologi yang rumit dan panjang. Bahkan, masyarakat Bugis pernah terlibat dengan peperangan dalam menentang Belanda di Melaka.

Kedatangan masyarakat Bugis ke negeri Johor masih belum dapat dikenalpasti dengan tepat (Rahilah, Khazin & Nordin, 2009). Kedatangan sebenar orang Bugis ke Johor adalah bermula dengan kedatangan awal lima bersaudara bangsawan Bugis iaitu Daeng Parani, Daing Menambun, Daeng Marewa, Daeng Cella dan Daeng Kemase. Menurut Rahilah, Khazin dan Nordin (2009) juga, bancian yang dilakukan pada tahun 1911 menunjukkan sebanyak 5033 orang Bugis telah berada di negeri Johor. Kemudian kadar tersebut meningkat pada tahun 1921 dan 1931 iaitu 7026 dan 8983 orang Bugis. Walaubagaimanapun, jumlah bancian tersebut menurun pada tahun 1947 iaitu hanya sebanyak 6068 sahaja orang Bugis yang berada di negeri Johor. Kedatangan masyarakat Bugis ke negeri Johor telah tersebar luas di seluruh daerah dan mukim dalam negeri tersebut. Masyarakat Bugis dikenali dengan sifat yang rajin, peramah dan mudah mesra dengan penduduk sekeliling. Sifat penyayang yang ada dalam diri orang Bugis juga menyebabkan komuniti mudah disenangani dan disukai oleh penduduk setempat.

Sehingga ke hari ini, negara kita amat mengenali Tokoh Bugis yang bernama Raja Ali Haji yang juga merupakan cucu kepada Raja Haji (Massita Ahmad, 2017). Raja Ali Haji telah bangkit sebagai penentang dalam penjajahan Belanda di Melaka. Beliau juga memainkan peranan penting dalam kesusasteraan Melayu dan Bugis. Sehingga ke hari ini juga, masyarakat Bugis kekal dengan adat dan tradisi mereka walaupun telah merantau di tempat yang lain. Bahkan, masyarakat Bugis sangat kental dalam melaksanakan adat dan pantang larang di samping patuh dalam melaksanakan segala tunjuk ajar nenek moyang mereka yang dianggap sebagai budaya dan amalan turun temurun. Mereka sangat kental dengan adat dan menjunjung adat, seni dan warisan Bugis sebagai satu kewajipan yang tidak boleh dielakkan.

Walaupun kedatangan masyarakat Bugis ke Tanah Melayu mempunyai banyak versi dan penceritaan, namun kesepakatan pengkaji lepas jelas menunjukkan bahawa masyarakat Bugis datang ke Tanah Melayu mempunyai tujuan yang sama. Berdasarkan penulisan dalam kajian sejarah, kedatangan masyarakat Bugis ke Tanah Melayu banyak dikaitkan dengan konsep politik. Masyarakat Bugis dikatakan mempunyai hubung kait dengan politik di Tanah Melayu terutamanya di Negeri Johor. Tidak dapat dinafikan bahawa, pengaruh masyarakat Bugis

adalah sangat kuat sehinggakan mereka masih mampu mengekalkan pelbagai budaya dan kerencaman kehidupan mereka di Malaysia sehingga ke hari ini (Said, 2004).

Walaupun bagaimanapun, masyarakat Bugis yang kekal sehingga ke hari ini masih mampu mengamalkan adat istiadat Bugis asli disamping berupaya untuk berinteraksi dalam bahasa Bugis atau dikenali sebagai *makbicara ogik*. Di Indonesia, bahasa Bugis atau *bicara ogik* ini mempunyai perbezaan slang dan irama bahasa mengikut daerah masing-masing. Antara daerah di Sulawesi Selatan yang mempunyai tutur kata bugis adalah Bone, Pangkep, Wajo', Enrekang dan sebagainya (Hammarstrom, Forkel dan Haspemath, 2017). Namun, berbeza dengan situasi di Malaysia yang sudah mulai pudar dan sukar mendengar interaksi dalam bahasa Bugis kerana faktor budaya perkahwinan campur. Generasi yang dilahirkan mulai lupa akan bahasa suku etnik mereka. Namun, masih terdapat generasi yang memperakui suku etnik mereka sebagai masyarakat Bugis atas dasar amalan, tradisi, budaya dan makanan yang masih dikekalkan sebagai kerencaman keluarga mereka sama ada dilaksanakan secara umum atau khusus (Chrisian, 2016; Shintia dan Hengki, 2018).

SKOP DAN LOKASI KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan di sebuah perkampungan masyarakat Bugis iaitu Kampung Tampok, Benut. Kampung ini terletak di daerah Pontian, Johor. Sungai Tampok merupakan kawasan pemisah antara sempadan daerah Pontian dan Batu Pahat. Kampung Tampok telah dibuka pada tahun 1908. Sejarah pembukaan Tampok adalah apabila ia dibuka oleh seorang pelayar yang bernama Daing Matebba' yang merupakan perantau berasal dari Sakke Loa' Belawa Sulawesi bersama dengan anaknya Daing Mabela dan Daing Malibok mengembara. Nama Tampok telah diberikan oleh Daing Matebba' kerana beliau melihat banyak pokok-pokok nibong yang bertompok semasa menyelusuri kuala Tampok.

Pada awal tahun 1970-an hampir keseluruhan penduduk di Kampung Tampok adalah merupakan suku Bugis. Mereka masih berpegang pada adat, budaya, dan warisan Bugis. Bahkan, warisan makanan dan tradisi perkahwinan orang Bugis masih utuh dipraktikkan sehingga ke tahun 2020. Kehidupan dan hubungan kekeluargaan orang Bugis di Kampung Tampok telah mendorong pengkaji menjalankan kajian bagi mengenalpasti sejauhmana masyarakat Bugis di Kampung Tampok masih kekal mengamalkan ciri warisan khususnya dalam aspek adat perkahwinan, komunikasi (pertuturan bahasa Bugis) dan warisan makanan orang Bugis.

PENYATAAN MASALAH

Masyarakat Bugis mempunyai identiti, budaya dan adat tersendiri. Identiti masyarakat Bugis masih banyak dikekalkan sehingga ke hari ini sama ada dalam aspek konsep perkahwinan, komunikasi (bahasa dan penulisan) serta warisan makanan tradisi. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa faktor yang mengurangkan pengekalan identiti masyarakat Bugis semakin kurang dipraktikkan khususnya dalam kalangan generasi muda. Identiti masyarakat Bugis khususnya bahasa kurang dipraktikkan dalam kalangan generasi muda kerana penggunaan bahasa Bugis sudah tidak menjadi bahasa pertuturan sampingan (Said, 2004; Shintia dan Hengki, 2018). Ini kerana, generasi muda lebih gemar dan mahir bertutur dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Perubahan teknologi dan pembangunan menyebabkan kelunturan bahasa Bugis semakin ketara khususnya dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Bahkan ramai generasi dewasa juga tidak mengetahui tentang aksara dan tulisan asli orang Bugis. Justeru, kajian ini akan mengenalpasti sejauhmana tahap penguasaan bahasa dan tulisan masyarakat Bugis yang dikaji.

Selain identiti komunikasi (bahasa dan tulisan), pengkaji juga melihat kepentingan adat dan budaya unik yang terdapat dalam masyarakat Bugis. Menurut Rahim (2011) budaya dan adat yang diperolehi banyak dilakukan secara tradisi mengikut keluarga. Budaya perkahwinan orang Bugis mempunyai kelainan dari segi perbualan meminang/ merisik, bentuk hantaran, suasana majlis perkahwinan dan persandingan serta kepercayaan adat berkaitan jodoh. Malahan, masyarakat Bugis mempunyai ratusan pakaian tradisional yang lazimnya digunakan dalam majlis keramaian khususnya perkahwinan (Dahlan, 2016). Pasangan pengantin juga digalakkan menggunakan pakaian masyarakat Bugis bagi memastikan warisan budaya ini dikekalkan. Sebaliknya, generasi hari ini lebih berminat menggunakan pakaian berunsur budaya asing (barat) berbanding menggunakan pakaian tradisional suku etnik mereka. Bagi mendapatkan maklumat dalam hal ini, pengkaji akan mengenalpasti tahap pengetahuan masyarakat Bugis berkaitan dengan adat perkahwinan orang Bugis.

Makanan warisan juga melambangkan identiti dan keunikan yang terdapat dalam sesebuah kelompok etnik. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengenalpasti sejauhmana tahap pengetahuan masyarakat Bugis terhadap makanan warisan. Tidak dapat dinafikan, makanan warisan orang Bugis masih banyak dikekalkan dan dihidang dalam majlis keramaian, perayaan dan majlis perkahwinan (Sharkawi, 2018). Walaubagaimanapun, ramuan dan nama hidangan tersebut masih kurang diketahui. Malahan, tidak semua generasi Bugis mampu membuat sajian orang Bugis mengikut citarasa asal. Ini menunjukkan, tahap pengetahuan masyarakat Bugis dalam aspek makanan warisan masih belum dicapai dengan

baik. Bahkan, masih perlu diperjelaskan khususnya melalui pandangan orang-orang lama.

OBJEKTIF KAJIAN

Pengkaji telah menetapkan beberapa objektif dalam kajian bagi memperolehi dapatan kajian yang empirikal. Ketiga-tiga objektif kajian juga selari dengan penelitian dalam kajian literatur secara sistematik. Objektif kajian yang akan dikaji adalah mengenalpasti tahap pengetahuan berkaitan adat perkahwinan dalam kalangan orang Bugis, mengenalpasti tahap pengetahuan berkaitan makanan warisan Bugis dalam kalangan orang Bugis serta mengenalpasti tahap pengetahuan masyarakat Bugis berkaitan komunikasi (bahasa dan tulisan) dan komuniti mereka.

KAJIAN LITERATUR SECARA SISTEMATIK

Masyarakat Bugis

Kedatangan masyarakat Bugis ke Sabah dan Semenanjung tanah Melayu dikatakan telah berkembang dengan pesat sejak kurun ke-17. Masyarakat Bugis banyak menetap di Negeri Johor, Riau dan Lingga. Sehingga ke hari ini, suku Bugis masih kekal dan berpegang teguh dengan budaya, adat dan tradisi. Namun, perubahan zaman dan teknologi menyebabkan pengekalan warisan, budaya dan adat semakin luntur. Fenomena ini semakin kurang dipraktikkan kerana telah wujud beberapa faktor termasuklah faktor perkahwinan campur dengan sub etnik lain terutamanya Melayu, Jawa, Banjar, Minang dan sebagainya. Generasi moden kurang mengamalkan falsafah orang Bugis iaitu “perkahwinan dalam orang Bugis sahaja”. Falsafah perkahwinan dalam kalangan orang Bugis merupakan antara bentuk keunikan masyarakat ini dimana ia menjadi budaya untuk mengekalkan keaslian dan ketulenan generasi Bugis. Walaubagaimanapun, generasi Bugis yang berkembang sehingga ke hari ini masih lagi dapat melihat beberapa warisan dan budaya yang dikekalkan. Antara warisan dan budaya tersebut adalah bahasa, makanan, cara hidup dan amalan keramaian termasuklah upacara menyambut kelahiran bayi dan majlis perkahwinan (Hammarstrom, Forkel dan Haspemath, 2017; Rahim, 2011; Polianan, 2015; Dahlan, 2016).

Keunikan masyarakat Bugis sangat ketara ketika menerima generasi baru dalam proses kelahiran. Sebagai bentuk penghargaan dan meraikan bayi baru yang dianggap sebagai pewaris harta atau penyambung keturunan, masyarakat Bugis

akan mengadakan majlis secara meriah mengikut acuan orang Bugis. Upacara pengelilingi bayi atau dalam bahasa Bugis *makguliling* merupakan upacara sebagai mengalu-alukan kedatangan generasi yang baru lahir dalam keluarga mereka. Upacara *makguliling* akan dilakukan terhadap bayi yang diraikan dengan dikelilingi oleh tujuh orang wanita dewasa yang sudah berusia. Bayi akan diberikan kepada ketujuh-tujuh wanita secara bergilir-gilir mengikut pusingan arah jam. Sepanjang upacara *makguliling* dilakukan, bayi diselimutkan dengan kain songket dan dibaringkan di atas tujuh lapisan kain songket atau kain tenun. Barang kemas keupayaan ibu bayi perlu diletakkan di bawah lapisan kain songket tersebut. Upacara ini juga melibatkan beberapa menu dan sajian khas iaitu *manuk mallibu* (ayam seekor), *tomppi-tomppi*, *beppa* (kuih-muih Bugis), *leppek-leppek*, *atufek mattundrung* (ketupat bertandan), *sessok sokkok onnyik* (pulut kuning) dan lauk pauk yang berkaitan. Kedua ibu bapa bayi perlu turut serta dalam upacara ini. Setelah upacara dijalankan, bayi tersebut akan dimasukkan ke dalam buaian atau dikenali sebagai *mappendrek tojang*. Ini jelas menunjukkan, orang Bugis sangat unik dan mempunyai kaedah tersendiri dalam meraikan kelahiran bayi baru yang dianggap sebagai pewaris harta atau penyambung generasi.

Keunikan masyarakat Bugis adalah mereka sangat menghargai setiap warisan yang dimiliki dan berbangga dengan budaya mereka. Namun, akibat perubahan masa warisan ini kelihatan semakin pudar dan kurang dipraktikkan. Bahkan, ia juga tidak dikenali oleh segelintir masyarakat lain di Malaysia. Walaubagaimanapun, Kampung Tampok Laut yang terletak di Benut, Pontian Johor masih tegar dan kekal mengamalkan pelbagai budaya dan warisan kebudayaan orang Bugis termasuklah budaya perkahwinan, makanan dan komunikasi. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan di kampung tersebut, pengkaji mendapati masih terdapat suku Bugis asli yang gemar mempraktikkan adat dan mampu bertutur bahasa Bugis dengan fasih dan lancar termasuklah generasi kanak-kanak dan remaja. Selain itu, terdapat segelintir masyarakat Bugis di Kampung Tampok Laut, Benut menggunakan gelaran *wija Ogik* (orang Bugis) misalnya Andik, Ambok, Indok, Daeng, Bechik, Bachok dan sebagainya. Ini membuktikan bahasa masyarakat Bugis masih kekal dan unggul di kalangan masyarakat Malaysia khususnya di Negeri Johor. Namun, sejauhmanakah warisan unggul ini dapat dikekalkan adalah bergantung kepada gaya dan cara hidup kehidupan keluarga mereka dalam menghargai seni, warisan dan budaya sebagai komuniti orang Bugis di Malaysia.

Perkahwinan Masyarakat Bugis

Menurut Makmur, Muhammad dan Buchari (2015), perkahwinan masyarakat Bugis menekankan konsep *siri'*. Konsep *siri'* merupakan lambang dan maruah masyarakat Bugis. Hubungan antara pengantin lelaki dan pengantin perempuan

amat dijaga rapi dan tidak dibenarkan berjumpa khususnya sepanjang tempoh bertunang, merisik dan sebagainya. Jika kedua-dua bakal pengantin berjumpa, mereka tidak dibenarkan memandang wajah antara satu sama lain dan perlu ditemani oleh waris masing-masing iaitu ibu bapa, adik beradik, saudara rapat bagi mengelakkan fitnah dan salah sangka antara masyarakat setempat. Jika perbuatan yang kurang sopan antara mempelai berlaku, ia dianggap sesuatu yang buruk dan dinamakan sebagai perbuatan yang memalukan iaitu *mappakasiri'-siri*.

Nawawi (2013) pula mendapati adat yang terkandung dalam konsep perkahwinan masyarakat Bugis adalah sangat tinggi demi memastikan keturunan dan generasi yang dilahirkan adalah generasi pemalu iaitu *siri'*. Bahkan, jika terdapat anak gadis yang diusik walaupun oleh bakal pasangan, masyarakat Bugis lazimnya akan menuntut bela atau membalas dendam demi mempertahankan maruah anak gadis mereka. Selain itu, Dahlan (2016) menjelaskan bahawa bagi memastikan keturunan terpelihara, masyarakat Bugis lazimnya akan mengahwinkan anak gadis mereka dengan ahli dalam kaum keluarga yang terdekat termasuklah ikatan sepupu. Ini kerana, masyarakat Bugis sangat mementingkan keturunan yang bakal dilahirkan dan untuk mengekalkan keturunan dan pewarisan harta mereka. Perkahwinan dalam keluarga bukan sahaja menjamin kehormatan, bahkan batas antara bakal pengantin lebih mudah dikawal dan diperhatikan oleh kedua-dua pihak. Perkahwinan sepupu satu kali (*sappo siseng*) dianggap sebagai perkahwinan yang terbaik kerana ia dapat mengekalkan gelaran keturunan dan harta warisan hanya diberikan dalam kalangan saudara mara sahaja. Perkahwinan sepupu duakali (*sappo kedua*) dan sepupu tigakali (*sappo ketellu*) juga sering dilakukan. Perkahwinan sepupu duakali dan tigakali bertujuan untuk mendekatkan lagi tali persaudaraan dan ikatan kekeluargaan.

Dalam konsep perkahwinan masyarakat Bugis, amalan merisik atau meminang lazimnya dilakukan secara berasingan dengan penuh pengisian adat dan budaya tertentu (Shintia dan Hengki, 2018). Tidak dapat dinafikan, masih wujud individu yang menghantar rombongan merisik bakal pengantin wanita dengan menggunakan kaedah cuba jaya iaitu menghantar rombongan tanpa pengetahuan pihak keluarga wanita yang dirisik. Jika risikkan dan pinangan ditolak, ia menjadi satu bebanan untuk pihak lelaki dan keluarganya kerana mereka terpaksa menanggung malu. Akibatnya, kejadian tersebut boleh mencetuskan permusuhan antara kedua-dua belah pihak. Justeru, bagi mengelakkan berlakunya permusuhan kedua-dua pihak perlulah berbincang dan memastikan peminangan dilakukan dalam kalangan kenalan sahaja (Dahlan, 2016). Tidak itu sahaja, ia juga dilakukan oleh mereka yang dianggap memiliki pengaruh besar dalam masyarakat atau orang yang berpengaruh sehingga pinangan sukar untuk ditolak.

Proses perkahwinan orang Bugis penuh dengan istiadat dan tatatertib. Terdapat beberapa fasa yang berlangsung sebelum majlis dijalankan (Poliana, 2015).

Majlis perkahwinan akan bermula dengan fasa *paita* atau melihat dan mencari, kemudian disusuli dengan adat *massuro* atau merisik. Selepas fasa merisik dilakukan, calon lelaki akan dijemput ke rumah calon pengantin perempuan dan menjalani proses suai kenal bagi memudahkan keluarga calon perempuan untuk melihat perwatakan bakal menantu mereka. Sekiranya calon lelaki diterima maka keluarga calon lelaki akan mencari informasi calon perempuan tersebut. Proses ini dikenali sebagai proses *mapessek-pessek* iaitu fasa mencari informasi. Apabila segalanya sudah jelas, mereka akan melanjutkan fasa seterusnya iaitu meminang atau dikenali sebagai *madduta mallino*. Fasa *madduta mallino* ini dikenali sebagai lamaran secara nyata yang dilakukan oleh pihak lelaki kepada pihak perempuan.

Selepas semuanya jelas, penetapan nilai hantaran akan dilakukan (Poliana, 2015). Ada diantara masyarakat Bugis yang masih mengamalkan konsep hantaran serba dua atas dasar amanat nenek moyang terdahulu terhadap salasilah keturunan mereka. Bahkan adat serba dua akan kekal menjadi adat keturunan sehingga setiap lapisan generasi keluarga yang mengamalkan adat ini. Hantaran serba dua dapat dilihat melalui set barang hantaran dan akan dibalas dengan dua set hantaran. Sebagai contohnya, hantaran kasut, hantaran cincin, hantaran baju semuanya akan dihantar dalam keadaan kembar (serba dua). Dalam bahasa Bugis, hantaran dikenali sebagai *fappendrek tandra* yang mana ia menjadi lambang dan simbolik antara dua pihak dalam memberikan hadiah sebagai tanda penghormatan, kasih sayang dan penghargaan (Rahim, 2011). Dari segi hantaran wang atau mahar, ia juga boleh menjadi cara menolak pinangan secara halus sekiranya keluarga pihak perempuan tidak mahu menerima pinangan atau risikan yang dihantar. Segala bentuk penolakan adalah secara bertapis bagi mengelakkan terdapat pihak yang tersinggung atau berkecil hati.

Selepas itu, kedua-dua pihak akan menjalankan upacara majlis perkahwinan. Semasa majlis perkahwinan dijalankan, masyarakat Bugis akan melakukan beberapa upacara khusus misalnya upacara *mappeloang*. Upacara ini memerlukan pasangan pengantin duduk di atas beberapa bantal yang disusun dan kemudiannya mereka akan dimasukkan ke dalam satu kain songket. Kain tersebut akan dijahit sekitar tiga hingga tujuh kali jahitan di antara kedua pasangan mempelai dan kemudian mereka diminta berdiri secara berlumba. Upacara *mappeloang* juga digalakkan untuk disertai oleh anak gadis yang belum berkahwin. Ini kerana, anak gadis yang disarungkan dengan kain tersebut dikatakan boleh memperoleh jodoh dengan cepat (Rahim, 2011).

Menurut Poliana (2015) dari segi pakaian pengantin, masyarakat Bugis mempunyai pakaian tradisional yang tersendiri. Antara pakaian tradisional masyarakat Bugis yang terkenal adalah pakaian Baju Bodo. Baju Bodo ini merupakan pakaian tradisional yang terkenal di Indonesia yang mana ia

dihasilkan melalui tenunan lembaran kain daripada kapas dan benang yang berkualiti tinggi. Baju Bodo sangat istimewa kerana ia sudah mencapai ratusan tahun yang lampau dan dikategorikan sebagai pakaian yang bersimbolik. Selain pasangan mempelai, masyarakat Bugis juga mempunyai identiti dalam menentukan warna pakaian yang diperagakan oleh tetamu semasa majlis perkahwinan. Sebagai contohnya, pakaian yang berwarna jingga akan dipakai oleh gadis berumur 10 hingga 14 tahun, pakaian berwarna merah pula dipakai oleh mereka yang berusia 17 hingga 25 tahun. Wanita yang berstatus janda pula biasanya akan memakai pakaian yang berwarna ungu dan wanita golongan bangsawan akan memakai pakaian yang berwarna hijau.

Dari segi perhiasan pasangan pengantin masyarakat Bugis, beberapa bentuk perhiasan akan diperagakan. Antara perhiasan yang terkenal adalah mahkota, anting-anting panjang (*bangkarak*), rantai panjang (*rante*) dan gelang perhiasan (*potto*). Bagi pengantin lelaki, antara perhiasan yang akan dipakai adalah penutup kepala dan kain sarung dengan dilengkapi keris, gelang, selempang dan rantai (*rante*). Keris yang diguna biasanya keris yang diwariskan secara turun temurun dan mempunyai keunikan khas dan tertentu. Keris tersebut hanya boleh digunakan oleh waris dan kaum keluarga terdekat sahaja. Berdasarkan beberapa justifikasi, ia jelas menunjukkan bahawa masyarakat Bugis sangat unik dan mempunyai identiti adat, budaya dan warisan yang sangat bermakna dan berprofil tinggi (Makmur, Muhammad dan Buchari, 2015).

Komunikasi Masyarakat Bugis

Christian (2016) mendapati bahawa suku etnik Bugis mempunyai bahasa dan tulisan tersendiri yang dikenali dengan nama lontarak. Identiti ini melambangkan bahawa masyarakat Bugis mempunyai budaya dalam pembelajaran kerana mereka telah menetapkan kaedah pembacaan dan tulisan mereka. Lazimnya, bahasa Bugis sangat unik didengari dan kaedah cara sebutan serta tatabahasanya sukar difahami jika jarang didengar dan digunapakai oleh seseorang (Said, 2004). Malah, ramai generasi muda yang berketurunan Bugis tidak mampu bertutur dalam bahasa Bugis dengan baik. Perkara ini berlaku disebabkan oleh pengaruh keluarga yang kurang memberi pendedahan kepada anak mereka (Shintia dan Hengki, 2018).

Faktor persekitaran banyak dikaitkan dengan perubahan tempat tinggal dan proses migrasi. Migrasi dan perpindahan tempat tinggal seringkali menyebabkan masyarakat suku etnik ini bertutur dalam bahasa persekitaran mereka. Sebagai contoh, sekiranya seseorang menetap di luar negara, kecenderungan individu adalah bertutur dalam bahasa tempatan persekitaran mereka tinggal seperti United Kingdom, Australia, Jepun, Kanada, Jerman dan sebagainya. Ini juga

mungkin disebabkan oleh faktor pasangan. Perkahwinan campur atau dikenali sebagai amalgamasi etnik dan suku menyebabkan individu tidak boleh bertutur dengan bahasa etnik dan suku mereka (Graham, 2004). Fenomena ini terbatas akibat proses komunikasi yang berlaku tidak lengkap. Proses komunikasi akan menjadi lengkap jika ia mempunyai penyampai dan penerima dan mempunyai persamaan dan kefahaman dalam bahasa dalam komunikasi. Lazimnya, bahasa Bugis merupakan bahasa yang unik dan mempunyai identiti yang istimewa. Bahkan, penutur bahasa Bugis seringkali dikaitkan dengan simbolik kesopanan dan susunan ayat sangat menarik (Ahmad dan Hafied, 2011). Bahkan, msyarakat Bugis semakin holistik dan mampu berasimilasi dalam komuniti pelbagai etnik dan budaya. Walaubagaimanapun, masyarakat Bugis masih mampu mengekalkan identiti dan budaya komunikasi mereka sehingga ke generasi terkini.

Jadual 1: Perubahan perkataan kata dasar “saya” daripada Bahasa Bugis – Bahasa Melayu

Kata Dasar : “saya”		
Iyyak	Iyyak punna	Saya punya
Kak	Melokkak lesu	Saya nak pulang
U	Ubaluk ie	Saya jual
Kuk	Bolakuk	Rumah saya

Dalam kajian ini, pengkaji berkongsi perkataan bahasa Bugis asas sebagai panduan dan cara penggunaannya mengikut struktur ayat dan individu. Dalam Jadual 1 pengkaji memilih perkataan dasar “saya” sebagai contoh dalam kajian ini. Keempat-empat perkataan tersebut menunjukkan makna yang sama iaitu “saya”. Walaubagaimanapun, apabila perkataan “saya” diterjemah ke dalam bahasa Bugis, ia boleh menjadi pelbagai maksud mengikut kedudukan ayat yang digunakan. Antara perkataan yang menunjukkan kata dasar “saya” dalam bahasa Bugis adalah *iyyak*, *kak*, *u*, *kuk*. Walaubagaimanapun, perletakkan setiap perkataan tersebut adalah berbeza dan tidak sama mengikut jenis ayat yang ingin dipertuturkan.

Berdasarkan Jadual 1, ia menunjukkan penggunaan perkataan “saya” mempunyai bentuk ayat yang berbeza-beza tetapi akan berubah mengikut struktur ayat yang digunakan. Justeru, satu perkataan lazimnya akan mempunyai bunyi yang lain, namun maknanya masih membawa maksud yang sama. Dalam Jadual 2 pula menunjukkan beberapa perkataan yang menjadi bahasa harian dan lazim digunakan oleh masyarakat Bugis dalam komunikasi harian mereka.

Jadual 2: Bahasa Harian Masyarakat Bugis (Terjemahan Bahasa Bugis – Bahasa Melayu)

Bahasa Bugis	Bahasa Melayu	Bahasa Bugis	Bahasa Melayu
Bola	Rumah	Dioh	Mandi
Pinceng	Pinggan	Bachok	Dia (lelaki)
Kampekk	Beg	Bechek	Dia (perempuan)
Mandreh	Makan	Jakkah	Sikat
Mekuttuk	Malas	Kalla	Kala jengking
Bosi	Hujan	Tampang	Benih
Belalah	Jarang-jarang	Lasuna	Bawang merah
Ciakak	Enggan	Manuk	Ayam
Didorok	Dodol	Nandreh	Nasi
Oppanna?	Bila?	Yolo-yolo	Dahulu kala
Sappoh siseng	Sepupu	Angkelungung	Bantal
Tellu	Tiga	Balibola	Jiran tetangga
Wennih	Malam	Kaddeh	Kedai
Cangkirik	Cawan	Meseggek	Berani
Lima	Tangan	Fappellang	Panas baran
Ananak	Kanak-kanak	Botting	Pengantin
Mebela	Jauh	Kecimara	Kumbang
Mecellak	Merah	Bere-bere	Semut
Figi?	Dimana?	Magi?	Kenapa?

Makanan Warisan Masyarakat Bugis

Menurut Sharkawi (2018), masyarakat Bugis dikenali dengan kepelbagaian juadah dan makanan yang unik dan enak. Makanan orang Bugis kelihatan mempunyai persamaan dengan makanan masyarakat dan etnik lain tetapi keunikan makanan warisan mereka masih dikekalkan. Makanan warisan masyarakat Bugis banyak dilihat semasa musim perayaan, perkahwinan, kelahiran bayi dan beberapa majlis keramaian yang lain (Said, 2004).

Jadual 3: Kepelbagaian Makanan Warisan Masyarakat Bugis

Nama makanan	Ciri-ciri makanan
<i>Burasak</i>	<ul style="list-style-type: none">• Menggunakan ramuan beras dan santan• Berbentuk segi empat• Dibalut dengan daun pisang• Direbus antara 7 hingga 10 jam
<i>Leppak lui</i>	<ul style="list-style-type: none">• Menggunakan ramuan beras pulut dan santan• Berbentuk segi tiga• Dicitak• Direbus antara 4 hingga 6 jam
<i>Gigosok</i>	<ul style="list-style-type: none">• Menggunakan ramuan beras pulut dan santan• Melalui proses tumbuk
<i>Sanggarak peppek</i>	<ul style="list-style-type: none">• Berbentuk panjang sepanjang lemgang• Dibakar antara 2 hingga 4 jam
<i>Sanggarak belanda</i>	<ul style="list-style-type: none">• Menggunakan pisang yang digoreng, diketuk• Dihadangkan bersama sambal orang bugis• Dihadangkan bersama keju
<i>Kapurung</i>	<ul style="list-style-type: none">• Banyak dihidang semasa majlis perkahwinan.• Seakan makanan ambuyat di Sarawak dan Brunei• Diperbuat daripada sagu.
<i>Bajek</i>	<ul style="list-style-type: none">• Diperbuat daripada gula merah dan kacang tanah.
<i>Manuk Nasu likkuk</i>	<ul style="list-style-type: none">• Sejenis masakan ayam menggunakan ramuan lengkuas yang banyak
<i>Baroboq</i>	<ul style="list-style-type: none">• Ia adalah bubur jagung yang dimasak bersama ayam dan sayur-sayuran.
<i>Bahulu pecak</i>	<ul style="list-style-type: none">• Kuih ini biasanya disajikan semasa majlis perkahwinan• Mempunyai rasa yang sangat manis
<i>Tape Puluk bolong</i>	

<i>Leppak-leppek</i>	<ul style="list-style-type: none">• Sejenis tapai yang menggunakan pulut hitam.• Diperbuat daripada beras pulut• Banyak didapati semasa majlis kesyukuran dan majlis kelahiran bayi.• Dibalut menggunakan daun kelapa
<i>Beppa Pute</i>	<ul style="list-style-type: none">• Sejenis hidangan kuih pencuci mulut• Mudah didapati semasa majlis perayaan dan perkahwinan• Diperbuat daripada tepung pulut dan gula

Antara juadah yang paling terkenal dalam kalangan masyarakat Bugis adalah *burasak*. *Burasak* merupakan makanan tradisional Bugis yang paling diminati ramai khususnya semasa musim perayaan. Proses menghasilkan *burasak* melibatkan masa yang panjang menggunakan ramuan, bahan dan teknik tertentu khususnya semasa proses memasak dan membungkus. Selain *burasak*, *lepat lui* juga merupakan antara makanan masyarakat Bugis yang dikenali semasa musim perayaan.

Lepat lui agak berbeza dengan *burasak* kerana ia menggunakan beras pulut dan perlu dicetak menggunakan pencetak yang berbentuk segi tiga. Tempoh dan kaedah membuat *lepat lui* juga sukar dan mengambil masa yang panjang seperti *burasak*. Walaubagaimanapun, tempoh merebus *burasak* lebih lama berbanding *lepat lui*. Lazimnya, *burasak* direbus sehingga 10 jam manakala *lepat lui* hanya sekitar 5 jam sahaja. Namun, kedua-duanya boleh dimakan bersama dengan juadah dan hidangan lauk masyarakat Bugis seperti ikan parang masak gulai asam (*bale parang nasu metti*), ayam masak lengkuas (*manuk nasu likkuk*), serunding (*bejabuk*) dan sebagainya.

Selain *burasak* dan *lepat lui*, masyarakat Bugis juga mempunyai makanan warisan yang lain iaitu *baulu fecak*, *beppa futeh*, *didorok ugik* dan sebagainya. Juadah yang disajikan ini banyak berbentuk bahan pencuci mulut atau pembuka selera sebelum jamuan dinikmati. Juadah masyarakat Bugis juga dikatakan mempunyai rasa yang manis dan banyak menggunakan santan kelapa tetapi sedap (Haniza, 2010).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan tiga pendekatan bagi mendapatkan maklumat dalam kajian. Pendekatan yang pertama adalah sumber kajian pertama secara kuantitatif. Sumber kajian pertama diperolehi melalui kajian yang dijalankan di media sosial. Terdapat beberapa soalan diberikan kepada pengguna laman media sosial yang berkaitan dengan aspek kehidupan masyarakat Bugis iaitu perkahwinan, komunikasi dan warisan makanan orang Bugis. Populasi kajian adalah dalam kalangan pengguna media sosial pengkaji yang mempunyai latar belakang keturunan Bugis sahaja. Pengkaji menggunakan kaedah persampelan rawak mudah iaitu semua sampel mempunyai potensi dijadikan sebagai responden dalam kajian. Pautan soalan telah diletakkan di media sosial dan soalan adalah menggunakan kaedah *google form*. Soalan yang diberikan adalah seperti dalam Jadual 4. Hasil kajian menunjukkan, seramai 64 orang responden telah diperolehi dalam kalangan masyarakat Bugis.

Jadual 4: Soalan terhadap Responden Kajian

No.	Soalan	Bentuk soalan
1	Sejarah/ latar belakang keturunan Bugis responden	Nominal
2	Pengalaman melihat adat perkahwinan Bugis	Nominal
3	Jelaskan adat perkahwinan Bugis yang pernah dilihat (jika pernah)	Terbuka
4	Kesukaan dalam makanan warisan Bugis	Nominal
5	Jelaskan juadah warisan Bugis yang digemari	Terbuka
6	Keupayaan berkomunikasi dalam bahasa Bugis	Nominal
7	Keupayaan menulis dalam tulisan Bugis	Nominal


Pendekatan kedua adalah sumber kajian pertama secara kualitatif. Pengkaji telah menjalankan pemerhatian di Kampung Tampok Laut, Benut Pontian Johor secara kerap bagi melihat sejauhmana budaya dan keutuhan masyarakat Bugis dalam tiga aspek yang dikaji. Aspek kajian tersebut merangkumi adat perkahwinan, makanan warisan dan komunikasi orang Bugis di kampung tersebut. Justifikasi pemilihan kampung tersebut telah dijelaskan dalam skop kajian. Antara bentuk pemerhatian dijalankan adalah melihat dan mendapatkan pengalaman semasa majlis perkahwinan, majlis keramaian, majlis kenduri dan majlis perayaan bagi melihat secara mendalam adat dan budaya orang Bugis.

Pendekatan ketiga adalah sumber kajian kedua menggunakan kajian sistematik secara literatur. Analisis kritikal telah dijalankan bagi memperincikan hasil bacaan dan sumber kajian-kajian lepas yang menjelaskan ketiga aspek kajian (perkahwinan, makanan warisan dan komunikasi) dalam kalangan masyarakat Bugis. Analisis kritikal melalui kajian sistematik secara literatur telah dipersembahkan melalui graf dan jadual seperti dalam dapatan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Responden


Rajah 1 menunjukkan dapatan berkaitan dengan sejarah dan latar belakang keturunan Bugis responden kajian. Hasil kajian menunjukkan, 60 orang responden adalah berketurunan Bugis sepenuhnya (keturunan Bugis melalui warisan ibu dan ayah). Selain itu, 6 orang pula berketurunan Bugis melalui warisan ayah dan hanya 3 orang sahaja yang berketurunan Bugis melalui warisan ibu.



Rajah 1: Sejarah/ Latar Belakang Keturunan Warisan Bugis


Tahap pengetahuan berkaitan adat perkahwinan dalam kalangan orang Bugis

Dapatan Rajah 2 dan Rajah 3 menunjukkan tentang adat dan budaya majlis perkahwinan masyarakat Bugis. Rajah 2 merupakan kekerapan responden melihat adat perkahwinan Bugis dalam kehidupan mereka. Seramai 34 orang memperakui bahawa mereka melihat adat perkahwinan Bugis secara “kadang-kadang” dan hanya 10 responden sahaja yang mengatakan mereka melihat adat tersebut secara kerap. Walaubagaimanapun, sebanyak 22 responden yang tidak pernah melihat adat perkahwinan Bugis. Bahkan, 3 orang responden memperakui bahawa mereka sama sekali tidak mempunyai informasi bahawa masyarakat Bugis mempunyai adat dan kebudayaan dalam amalan perkahwinan.



Rajah 2: Kekerapan Melihat Adat Perkahwinan Bugis

Berdasarkan dapatan dalam Rajah 2, beberapa responden telah memberikan maklumat berkaitan adat dan budaya yang pernah dilihat melalui pengalaman mereka. Beberapa adat telah dikenalpasti dan ditunjuk dalam Rajah 3. Sebanyak 12 orang responden pernah melihat adat perkahwinan *silelung* (kejar-mengejar), 7 orang responden pula mempunyai pengalaman melihat adat *mappeloang* (sarung kain). Responden lain menjelaskan bahawa orang Bugis mempunyai adat dalam hantaran barangan iaitu terdapat segelintir orang Bugis menggunakan adat hantaran serba dua. Hantaran serba dua memperlihatkan kesemua barang hantaran yang diberi dan diterima oleh kedua belah pihak mestilah berkembar dan dua. Satu lagi adat yang pernah dilihat oleh responden adalah *makbombok* (selindung dalam kain). Walaubagaimanapun, adat *makbombok* semakin kurang dipraktikkan oleh segelintir perkahwinan orang Bugis. Akhir sekali, 5 responden memperakui bahawa mereka mempunyai pengalaman dalam melihat adat perkahwinan Bugis tetapi tidak mengetahui akan nama adat tersebut.



Rajah 3: Pengalaman Melihat Adat Perkahwinan Bugis


Jadual 5 menunjukkan dapatan yang diperolehi oleh pengkaji semasa menjalankan pemerhatian di Kampung Tampok Laut. Sebanyak lima majlis perkahwinan yang dihadiri dan kesemua majlis perkahwinan tersebut masih mengekalkan adat *mappeloang*. Hanya satu majlis perkahwinan sahaja yang turut mempraktikkan hantaran serba dua atas faktor sejarah warisan keturunan keluarga tersebut. Berdasarkan kelima-lima majlis perkahwinan tersebut, tiada adat lain yang dipraktikkan melainkan adat *mappeloang* dan hantaran serba dua sahaja.

Jadual 5: Pemerhatian semasa Majlis Perkahwinan Orang Bugis

Lokasi : Kampung Tampok Laut, Benut Pontian Johor	
Majlis Perkahwinan 1	<i>Mappeloang</i>
Majlis Perkahwinan 2	<i>Mappeloang</i> , hantaran serba dua
Majlis Perkahwinan 3	<i>Mappeloang</i>
Majlis Perkahwinan 4	<i>Mappeloang</i>
Majlis Perkahwinan 5	<i>Mappeloang</i>


Tahap Pengetahuan Berkaitan Makanan Warisan Bugis

Rajah 4 menunjukkan dapatan yang diperolehi berdasarkan tahap pengetahuan responden terhadap makanan warisan Bugis. Majoriti (66 orang responden) mempunyai tahap kesukaan yang tinggi terhadap makanan warisan Bugis. Manakala, hanya 3 responden sahaja yang memperakui makanan warisan Bugis disukai pada tahap yang sederhana. Tiada responden yang tidak menyukai makanan warisan Bugis.



Rajah 4: Pandangan Responden terhadap Makanan Warisan Bugis

Lanjutan daripada dapatan dalam Rajah 4, pengkaji telah memperolehi tahap pengetahuan responden terhadap jenis dan variasi dalam makanan warisan Bugis dalam Rajah 5. Antara makanan yang paling dikenali dalam kalangan responden adalah *burasak* (55 responden) *lepat lui* (11 responden) dan *bale nasu metti* atau dikenali sebagai ikan asam rebus Bugis (8 responden). Walaubagaimanapun, bagi variasi makanan warisan Bugis yang lain ia kurang dikenali dan tidak diketahui oleh responden kajian. Misalnya, hanya seorang responden sahaja mengetahui akan makanan warisan *berongkoh*, *tumbuk* atau *gigosok* dan *manuk nasu likkuk*. Ini kerana, makanan tersebut sukar diperolehi dan tidak banyak dihidangkan. Bagi makanan yang berbentuk pencuci mulut, terdapat responden yang menyatakan bahawa *bahu fecak* merupakan makanan yang terkenal dalam kalangan masyarakat Bugis khususnya semasa musim perayaan dan keramaian.



Rajah 5: Variasi Makanan Warisan Bugis yang Dominan dan Terkenal

Jadual 6 menunjukkan hasil dapatan kajian pemerhatian yang dilakukan di Kampung Tampok Laut. Hasil pemerhatian menunjukkan kebanyakan menu dan makanan warisan Bugis banyak dihidangkan di majlis tertentu misalnya majlis perkahwinan, majlis perayaan, majlis keramaian dan juga makanan harian biasa. Antara makanan yang menjadi kelaziman dalam hidangan masakan hari raya adalah *burasak*, *bale nasu metti*, *lepat lui*, *manuk nasu likkuk*, *bahulu fecak* dan terdapat juga juadah seperti masyarakat lain khususnya lauk-pauk dan ketupat. Tidak dinafikan, masyarakat Bugis juga mempunyai persamaan dengan masyarakat lain seperti Jawa, Banjar dan sebagainya. Semasa majlis perkahwinan, selain makanan yang menjadi budaya hidangan seperti Nasi Beriani dan Nasi Minyak, orang Bugis juga gemar menghidangkan makanan warisan mereka seperti *burasak*, *lepat lui*, *bahulu fecak* dan *beppa futeh* sebagai hidangan sampingan. Perincian dalam dapatan kajian pemerhatian, telah diringkaskan


dalam Jadual 6. Pengkaji telah membuat pemerhatian dalam pelbagai hari yang berbeza iaitu harian biasa, perayaan, majlis perkahwinan dan majlis keramaian.

Jadual 6: Pemerhatian ke atas Variasi Hidangan Masyarakat Bugis

Lokasi : Kampung Tampok Laut, Benut Pontian Johor	
Harian Biasa	Makanan seperti kebiasaan masyarakat lain
Hari Perayaan	<i>Burasak, bale nasu metti, leppat lui, manuk nasu likkuk, bahulu fecak</i> dan juadah seperti masyarakat lain
Majlis Perkahwinan	<i>Burasak, leppat lui, bahulu fecak, beppa futeh</i> dan juadah seperti masyarakat lain
Majlis Keramaian	<i>Bahulu fecak, leppek-leppek, tomppi-tomppi</i> dan juadah seperti masyarakat lain


Tahap Pengetahuan Masyarakat Bugis Berkaitan Komunikasi (Bahasa Dan Tulisan)

Masyarakat Bugis juga dikenali dengan identiti bahasa dan penulisan mereka. Walaubagaimanapun, masih ramai individu khususnya masyarakat Bugis yang tidak mengenali atau mengetahui akan mewujudkan bahasa dan tulisan orang Bugis. Justeru, berdasarkan Rajah 6, pengkaji mendapati 22 responden mengaku bahawa mereka memahami dan mampu bertutur dengan baik. Selain itu, 22 responden juga memperakui bahawa mereka memahami tetapi tidak mampu bertutur dengan baik dalam bahasa Bugis. Hasil kajian juga mendapati, seramai 21 orang responden memahami bahasa Bugis tetapi sangat lemah dalam pertuturan bahasa tersebut. Dalam masa yang sama, terdapat 4 responden yang tidak mempunyai sebarang pengetahuan dalam bahasa Bugis sama ada dari segi pertuturan atau kefahaman.



Rajah 6: Tahap Kefasihan Bahasa Bugis

Rajah 7 pula menunjukkan tahap kebolehan responden menulis aksara Bugis. Hasil kajian menunjukkan hanya 3 orang responden sahaja yang mengenali dan boleh menulis, 15 orang responden mengenali tetapi tidak boleh menulis tulisan Bugis, 24 responden pula menyatakan bahawa mereka tidak mengenali dan tidak boleh menulis tulisan Bugis. Bahkan, hasil kajian juga mendapati 27 responden memperakui bahawa mereka tidak tahu akan kewujudan tulisan Bugis sama ada huruf atau penulisan.



Rajah 7: Tahap Kebolehan Penulisan Bugis

Jadual 7 pula menjelaskan tentang dapatan pemerhatian pengkaji semasa melihat keupayaan generasi Bugis di Kampung Tampok Laut berdasarkan turutan umur. Terdapat beberapa peringkat umur yang telah terlibat dalam proses pemerhatian. Peringkat pertama, bagi golongan kanak-kanak (umur: 1 hingga 10 tahun), mereka tidak bertutur dalam bahasa Bugis tetapi hanya bertutur dalam bahasa Melayu sahaja. Peringkat kedua, bagi golongan remaja (umur: 11 hingga 20

tahun), hanya segelintir sahaja yang memahami bahasa Bugis namun masih tidak boleh bertutur. Peringkat ketiga, bagi golongan remaja kepada dewasa (umur: 21 hingga 30 tahun), mereka masih memahami bahasa Bugis dengan baik namun pertuturan mereka masih lemah dan kurang lancar. Peringkat keempat, golongan dewasa (umur: 31 hingga 40 tahun), generasi ini dikatakan lebih baik berbanding generasi usia sebelumnya kerana mereka mampu berkomunikasi dan memahami bahasa Bugis. Peringkat kelima adalah golongan warga tua (umur: 40 tahun ke atas), generasi ini dikatakan generasi yang mantap dari segi pertuturan bahasa Bugis. Majoriti warga tua memahami dan mampu bertutur dalam bahasa Bugis dengan cemerlang.

Jadual 7: Pertuturan Bahasa Bugis

Penggunaan Pertuturan Bahasa Bugis di Kampung Tampok Laut	
Usia 1 hingga 10 tahun	Bahasa Melayu sahaja
Usia 11 hingga 20 tahun	Hanya segelintir yang memahami bahasa Bugis namun tidak tahu bertutur
Usia 21 hingga 30 tahun	Kebanyakan memahami bahasa Bugis dengan baik, namun pertuturan masih kurang lancar
Usia 31 hingga 40 tahun	Kebanyakan memahami bahasa Bugis dengan baik, namun hanya sebahagian yang mampu bertutur dengan lancar
Usia 41 tahun dan keatas	Kebanyakan memahami bahasa Bugis dengan baik dan mampu bertutur dengan lancar

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Berdasarkan maklumat yang dianalisis dan dikenalpasti, ia menunjukkan masyarakat Bugis sangat unik dan mempunyai identiti tersendiri. Ini jelas menunjukkan, orang Bugis mempunyai kaedah komunikasi mereka yang mana ia merangkumi aspek bahasa dan penulisan. Walaubagaimanapun, aspek komunikasi khususnya penulisan semakin kurang dikenali kerana kurang diaplikasi dalam kalangan komuniti orang Bugis. Bahkan, terdapat generasi muda yang tidak mengetahui akan kewujudan huruf penulisan dalam masyarakat Bugis.

Selain keberanian dan sejarah kepahlawanan, masyarakat Bugis juga dikenali dengan sikap muafakat dan saling bantu-membantu antara satu sama lain (Said, 2004; Rahilah *et al.*, 2009). Pengkaji juga berjaya membuktikan bahawa masyarakat Bugis mempunyai adat dan budaya yang berbeza dengan suku lain

melalui dapatan kajian lepas yang menunjukkan bahawa masyarakat Bugis mempunyai identiti tersendiri dalam aspek perkahwinan. Keramaian dan majlis perkahwinan orang Bugis juga mempunyai cara dan sambutan tersendiri. Orang Bugis banyak melibatkan aktiviti yang melibatkan pelbagai lapisan generasi (tua dan muda) supaya kerjasama antara mereka semakin mesra dan dapat dibentuk secara efektif. Tindakan ini juga menjadi pemangkin dalam memastikan perkenalan antara generasi dapat dikekalkan dan kukuh dalam jangka masa yang panjang.

Selain budaya perkahwinan dan teras pendekatan komunikasi, kajian ini telah mendapati bahawa makanan warisan Bugis sangat unik dan istimewa. Bahkan, makanan orang Bugis sangat terkenal khususnya di negeri Johor kerana ramai masyarakat Bugis Johor yang mengekalkan hidangan makanan warisan etnik tersebut. Makanan warisan bukan hanya menjadi juadah dan santapan semasa musim perayaan, tetapi ia telah berjaya dikembangkan secara komersial dan perniagaan. Kewujudan restoren di negeri Johor yang rancak dalam menghidangkan juadah makanan warisan orang Bugis adalah satu bentuk pencapaian orang Bugis dalam memartabatkan identiti mereka melalui makanan.

Hasil kajian ini jelas membuktikan kewujudan adat dan budaya masyarakat Bugis dalam ketiga-tiga aspek yang dikaji iaitu perkahwinan, bahasa dan tulisan serta makanan masih utuh dan dapat dikekalkan dalam kalangan generasi hari ini. Secara tidak langsung, ia akan menjadi platform dan rujukan kepada generasi akan datang khususnya mereka yang mempunyai salah silah keturunan Bugis. Keunikan dan identiti warisan Bugis perlu dijaga dan dikekalkan supaya ia dapat dipelihara sehingga ke generasi akan datang. Tidak dapat dinafikan, identiti dan budaya masyarakat Bugis di Malaysia banyak dipengaruhi oleh konsep budaya masyarakat Bugis Indonesia. Sungguhpun Malaysia dan Indonesia berbeza negara, namun dalam aspek budaya, ia mempunyai persamaan yang tinggi. Jelaslah bahawa kerencaman masyarakat bugis di Malaysia masih mengekalkan identiti masyarakat Bugis. Bak kata pepatah, biar anak anak, jangan mati adat.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan diberikan kepada rakan penyelidik dari kedua-dua universiti khususnya penyelidik dari Indonesia yang sama-sama memberikan idea dalam menjayakan penulisan ini. Kerjasama yang diberikan oleh responden adalah sangat bermakna dalam menghasilkan dapatan kajian secara empirikal.

RUJUKAN

Sumber Primer

Pemerhatian di Kampung Tampok Laut, Benut Pontian Johor
Tinjauan Menggunakan Borang Soal Selidik secara Atas Talian

Sumber Sekunder

- Ahmad S. Rustan dan Hafied Cangara (2011). Perilaku komunikasi orang Bugis dari perspektif Islam. *Jurnal Komunikasi KAREBA*. 1(1): 91-105.
- Ahmad Yaani. Dampak Perang Makassar Terhadap Umat Islam Sulawesi Selatan Abad XVII-XVIII. *Jurnal Rihlah*. 6(1): 107-131.
- Christian, Pelras. 2016. Orality and writing among the Bugis. *IJAPS*. 12 (1): 13-51.
- Dahlan, H.M. 2016. Prosesi pemilihan jodoh dalam perkahwinan: perspektif ajaran islam dan budaya lokal di kabupaten sinjai. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*. 9 (1): 131-142.
- Edward. L. Poelinggomang dan Suriadi Mappangara (2004). *Sejarah Sulawesi Selatan dari Tomanurung sampai tahun 1905*. Makassar: Balitbangda kerjasama dengan masyarakat Sejarawan Indonesia Sulawesi Selatan. Jilid I/2004.
- Graham, S. 2004. It's like one of those puzzles: conceptualizing gender among Bugis. *Journal of Gender Studies*.
- Makmur Haji Harun, Muhammad Yahya Sibe dan Buchari Katutu. 2015. Prinsip 'siri' dalam perkahwinan masyarakat Bugis di Jambi Indonesia. 1-18.
- Mohd Ayop Abd Razid. 2017. Sorotan sejarah Bugis di Tanah Melayu. Utusan Online, 15 November 2017.
- Nawawi, Numaningsih. 2013. *Komplikasi Pemikiran to riolo dalam papaseng naskhah Bugis dan syarak (perspektif gender)*. Bahagian dalam buku Bugis dalam peradaban Melayu. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Norasikin Daineh. 2018. *Terokai Lokasi Kota Bersejarah di Makassar*. Berita Harian Online. Di akses di laman: <https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/kembara/2018/12/514597/terokai-lokasi-kota-bersejarah-di-makassar> pada 11 September 2020.
- Poliana Ronnie Sidom. 2015. Pakaian tradisional Bugis. BH Plus, 25 Ogos 2015.
- Rahilah Omar, Khazin Mohd. Tamrin, Nordin Hussin dan Nelawami. 2009. *JEBAT*. 36: 41-61.
- Rahim, A. Rahman. 2011. Nilai-nilai utama kebudayaan Bugis. Yogyakarta: Ombak.
- Said Nurman. 2004. Religion and cultural identity among the Bugis (a preliminary remark). *Inter-Religio*. 45: 12-20.
- Sharkawi Loding. 2018. Selera tradisi masyarakat Bugis. Kosmo Online, 28 Julai 2018.
- Shintia Maria Kapojos dan Hengki Wijaya (2018). Mengenal budaya suku Bugis (Pendekatan misi terhadap suku Bugis). *Jurnal lembaga STAKN Kupang*. 6 (2): 153-173.
- Suriadi Mappangara (2016). *Filosofi Arung Palakka*. Yogyakarta: Ombak.